


EVOLUSI KAD PENGENALAN MALAYSIA




SEJARAH



- ➔ 1807 – Piagam Keadilan 1807 (Piagam Pertama) telah menubuhkan undang-undang Inggeris yang dikenali sebagai Lex Loci (law of the land) di Pulau Pinang
- ➔ 26.11.1826 – Piagam Keadilan 1826 (Piagam Kedua) pula telah menubuhkan undang-undang Inggeris yang dikenali sebagai Lex Loci (law of the land) di Singapura dan Melaka walaupun undang-undang tersebut bukanlah per se menggantikan undang-undang adat. Hasilnya, kes undang-undang dan adat-adat tempatan ini dipinda kepada undang-undang Inggeris.

SEJARAH



Sebelum tahun 1895, Persekutuan Tanah Melayu beroperasi secara berasingan, sehinggalah satu undang-undang digubal supaya pengasingan dibuat untuk undang-undang berkaitan dengan pendaftaran kelahiran, kematian, pengebumian, perkahwinan dan perceraian. Pada tahun 1895, ianya beroperasi di bawah Majlis Persekutuan.

SEJARAH



➔ Rekod-rekod kelahiran dan kematian yang telah direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia masih lagi dipelihara sejak hampir 150 tahun yang lalu. Dalam tahun 1948, kad pengenalan pertama telah dikeluarkan semasa waktu darurat (Kawasan-kawasan Pendaftaran). Peraturan-peraturan 1948 telah diperluaskan melalui Ordinan Darurat 1948.

➔ Kad pengenalan untuk Persekutuan Tanah Melayu telah dikeluarkan pada 2 Ogos 1960. Urusan kelahiran, kematian, pengangkatan, kewarganegaraan dan perkahwinan pada awalnya diletakkan di bawah kerajaan negeri sehingga undang-undang persekutuan dibentuk untuk memberikan perkhidmatan kepada orang awam mengenai perkara-perkara berkaitan pendaftaran. Jabatan Pendaftaran Negara Tanah Melayu telah dibentuk untuk mentadbir akta untuk Parlimen sehingga ke hari ini.

SEJARAH



KAD PENGENALAN PLASTIK PERTAMA
BERNOMBOR 0000001 DIMILIKI
OLEH Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN



Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN
MENGAMBIL CAP JARI UNTUK
PERMOHONAN KAD PENGENALAN
(TAHUN 1961)



SIJIL WARGANEGARA MALAYSIA
YANG PERTAMA KALI DIKELUARKAN
(TAHUN 1964)



ORANG RAMAI BERATUR UNTUK
MENUKAR KAD PENGENALAN KERTAS
KE KAD PENGENALAN PLASTIK
(TAHUN 1961)




PROSES MENYALUT KAD PENGENALAN
LAMA (TAHUN 1961)



LAWATAN DYMM SERI PADUKA YANG
DI-PERTUAN AGONG KE-3 KE IBU
PEJABAT JPN (TAHUN 1961)

GAMBAR & KRONOLOGI KAD PENGENALAN MALAYSIA

1948 : KAD PENGENALAN KERTAS / KAD BERAS



PENGENALAN

Diwujudkan oleh pemerintah Inggeris di Malaya melalui Emergency [Registration Areas] Regulation 1948, bagi membendung ancaman pengganas komunis. Ia juga dikenali sebagai 'kad beras' kerana sewaktu catuan makanan pada zaman darurat bermula pada 1948 itu memerlukan bukti pengenalan diri bagi mendapatkan beras.

PELAKSANAAN


Digunakan di Semenanjung Malaysia dari tahun 1948 sehingga 1960.

CIRI-CIRI

Tujuan untuk keselamatan, tidak bersalut, gambar hitam putih, cap ibu jari kanan sahaja, maklumat asal penduduk, tiada taraf kewarganegaraan.

GAMBAR & KRONOLOGI KAD PENGENALAN MALAYSIA

**1960 :
KAD PENGENALAN PLASTIK**



PENGENALAN

Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) diperkenalkan bagi memperkemaskan lagi sistem pengeluaran kad pengenalan.

PELAKSANAAN

Digunakan di Semenanjung dari 1 Ogos 1960 sehingga 31 Mac. Diperkenalkan di Sarawak pada 30 Mac 1966 dan Sabah pada 1 Jun 1972.

CIRI-CIRI

Keselamatan yang baik, bersalut dan diproses secara teragih, empat warna bagi menentukan taraf marganegara, maklumat terperinci, gambar hitam putih, cap ibu jari kiri dan kanan.

GAMBAR & KRONOLOGI KAD PENGENALAN MALAYSIA

1990 :
KAD PENGENALAN BERMUTU TINGGI



PENGEMALAN

Bagi menggantikan kad pengenalan plastik. Juga dikenali sebagai kad pengenalan bunga raya.

PELAKSANAAN

Diperkenalkan pada April 1990.

CIRI-CIRI

Keselamatan yang tinggi, gambar hitam putih (1990) dan gambar warna (1999), cap ibu jari kiri dan kanan, maklumat terperinci dan bersalut.

GAMBAR & KRONOLOGI KAD PENGENALAN MALAYSIA

2001 :
KAD PENGENALAN PINTAR



PENGENALAN

Kad pintar yang dikenali sebagai MyKad.

PELAKSANAAN

Mulai akhir 2000 di Semenanjung dan awal 2002 di Sabah dan Sarawak . Penukaran kad pengenalan bermutu tinggi kepada Mykad adalah secara sukarela dan percuma.


Ciri-ciri

Kad pengenalan mempunyai ciri keselamatan tinggi dan berteknologi cip yang kini diperbuat daripada bahan polikarbonat. Pada masa ini, ia memuatkan aplikasi lapan tambah satu (8+1) dalam satu kad.



GAMBAR & KRONOLOGI KAD PENGENALAN MALAYSIA

AKAN DATANG :
MYKAD GENERASI BAHARU



PENGENALAN

penggantian kad pengenalan struktur baharu itu bertujuan memastikan kad pengenalan bakal dikeluarkan JPN kelak mempunyai ciri keselamatan tinggi, selamat dan dipertingkatkan selari dengan perkembangan teknologi keselamatan terkini. kad pengenalan struktur baharu ini bertujuan untuk pastikan kad pengenalan yang bakal dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada rakyat Malaysia mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi, selamat dan dipertingkatkan selari perkembangan teknologi kini.

PELAKSANAAN

Fasa akhir untuk memuktamadkan perolehan kad pengenalan (MyKad) struktur baharu.

Ciri-ciri

Reka bentuk MyKad baharu ini juga tampil lebih moden dengan elemen seperti tulisan laser dan hologram yang lebih maju selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Ciri keselamatan terkini itu diyakini mampu mengatasi isu pemalsuan. dilengkapi dengan ciri keselamatan berkapasiti storan yang lebih besar dengan piawaian keselamatan yang dipertingkatkan.

FUNGSI KAD PENGENALAN MALAYSIA

PENGENALAN DIRI

- Fungsi asas MyKad adalah sebagai kad pengenalan diri rasmi bagi warganegara Malaysia.
- Mengandungi maklumat seperti nama penuh, nombor kad pengenalan, gambar, cap jari, dan alamat.

DOKUMEN PERJALANAN

- Boleh digunakan sebagai dokumen perjalanan di negara-negara tertentu seperti Brunei (bagi perjalanan darat).

KAD KESIHATAN

- Boleh menyimpan maklumat kesihatan asas seperti kumpulan darah, rekod vaksinasi, dan maklumat perubatan penting.
- Digunakan di sesetengah hospital/klinik kerajaan dan swasta.

FUNGSI KAD PENGENALAN MALAYSIA

LESEN MEMANDU

- MyKad boleh berfungsi sebagai lesen memandu digital apabila maklumat lesen dimasukkan ke dalam cip.

KAD ATM / PERBANKAN

- Sesetengah bank menyediakan kemudahan untuk mengintegrasikan fungsi ATM ke dalam MyKad.
- Pelanggan boleh mengakses akaun mereka menggunakan MyKad sebagai kad ATM.

TOUCH 'N GO

- Boleh diintegrasikan dengan fungsi Touch 'n Go untuk bayaran tol, pengangkutan awam, dan parkir.

FUNGSI KAD PENGENALAN MALAYSIA

AKSES KEPADA PERKHIDMATAN KERAJAAN (E-KERAJAAN)

- Digunakan untuk mengakses perkhidmatan seperti '**e-filing**' (LHDN), permohonan kerja kerajaan (SPA), dan sistem pendidikan (e-tajaan, e-permohonan).
- Melalui penggunaan MyKad '**reader**' atau kiosk.

PENGUNDI

- Digunakan untuk pengesahan identiti ketika proses pengundian dalam pilihan raya.

SUMBER:

- [HTTPS://WWW.JPN.GOV.MY/MY/PERKHIDMATAN/KAD-PENGENALAN](https://www.jpn.gov.my/my/perkhidmatan/kad-pengenalan)



